

Tsunami tetap diingati

Oleh SHAH NIZAM OMAR

shahnizam.omar@kosmo.com.my

SUNGAI PETANI – Walaupun tragedi tsunami telah lima tahun berlalu namun perasaan sedih dan hiba tetap melekat di hati penduduk Kota Kuala Muda.

Rata-rata mereka ketika ditemui menyatakan masih tidak dapat melupakan pengalaman ngeri yang pernah ditempuh di situ.

Tinjauan *Kosmo! Ahad* di pesisir pantai Kota Kuala Muda di tempat berlakunya tsunami mendapati penduduk menjalankan aktiviti seperti biasa termasuk menangkap ikan di laut malah kawasan itu kini dihiasi monumen sampan sebagai tugu peringatan.

Pengerusi Penempatan Tsunami Taman Permatang Katong di sini, Yusoff Awang berkata, walaupun perasaan bimbang dan sedih masih terpahat dalam diri penduduk tetapi mereka juga telah menjadi semakin tabah hari ini.

“Meskipun mengalami trauma, kita sedar kehidupan perlu diteruskan, kini kehidupan kami lebih senang berbanding dahulu malah turut mendapat rumah baru,” katanya.

Yusoff menambah, kebanyakan yang berpindah ke taman tersebut adalah penduduk dari lapan buah kampung melibatkan 120 keluarga yang mendapat manfaat daripada bantuan kerajaan.



KAMAL BASIR

ORANG ramai melihat monumen bencana tsunami yang dibina daripada 26 buah bot nelayan yang rosak dalam kejadian tsunami di Kota Kuala Muda, Kedah pada tahun 2004.

“Selain kerajaan menyalurkan bantuan rumah, pihak-pihak tertentu menyumbangkan peralatan seperti alatan jahitan dan membina bengkel bagi meningkatkan ekonomi penduduk,” katanya.

Seorang penduduk, Jafni Othman, 37, bersyukur kerana pada hari kejadian ter-

sebut berlaku semua ahli keluarganya selamat walaupun ketika itu sibuk menghadiri kenduri perkahwinan jiran.

“Memang pada waktu itu, semua orang sibuk dan tidak menyangka dalam kesibukan tersebut tsunami boleh berlaku dalam sekelip mata di sini,” katanya.